

# DBKL kaji semula saluran, infrastruktur elak banjir kilat

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengkaji semula kemudahan infrastruktur sedia ada termasuk sistem saluran longkang jalan dan kolam takungan air bagi mengelakkan kejadian banjir kilat di ibu kota.

Pengarah Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar DBKL, Abdul Aziz Yusoff berkata, pemantauan di lokasi banjir sudah dijalankan bagi mengenal pasti punca sebenar ketidakcekapan sistem saluran di lokasi terbahit.

"Perbincangan bersama menteri juga sudah dibuat dan terdapat beberapa penambahan dicadangkan dalam perjumpaan itu, namun kita perlu menunggu keputusan kerajaan kerana ia membabitkan kos yang tinggi.

"Buat masa ini, kerja penyelenggaraan dan membersihkan longkang serta parit kecil di kawasan berkenaan giat dijalankan Alam Flora kerana kita juga mengenal pasti punca banjir kilat disebabkan pemuangan sampah sa-

rap dan sisa pepejal," katanya.

Beliau berkata, tindakan segelintir warga kota membuang sampah sarap ke dalam longkang terutama di kawasan pusat komersial dan taman perumahan menjadi punca sistem saluran tersumbat.

"Ketika melakukan tinjauan di Pantai Dalam, kami mendapati saluran tersumbat kerana tilam yang dibuang menutup lubang laluan keluar air sungai di Pantai Dalam ke Sungai Klang," katanya.

Katanya, antara kaedah yang akan dilakukan termasuk membina pam dan kolam takungan di kawasan pertemuan dua sungai berkenaan untuk mengelak limpahan air ketika musim hujan lebat.

"Kerja pemasangan itu akan dilakukan sepanjang Sungai Klang kerana kita sudah mengenal pasti beberapa kawasan yang berlaku kes limpahan air ini sehingga menyebabkan banjir kilat dan memenuhi jalan raya," katanya.

Khamis lalu, ratusan kenderaan terperangkap

dalam kesesakan, dengan lebih 20 kenderaan lagi ditenggelami air dalam banjir kilat yang melanda beberapa laluan utama di sekitar ibu negara, berikutan hujan lebat.

Selain itu, Abdul Aziz berkata, kerja pembinaan terowong saluran air dan pemasangan pembentung kekotak di Jalan Tuanku Abdul Halim (Jalan Duta) akan siap sepenuhnya dalam tempoh tiga minggu lagi.

"Hanya tinggal satu lagi projek itu yang belum siap dan dijangka diselesaikan tiga minggu lagi kerana sekat ini proses pemasangan sudah mencecah 60 peratus.

"Saluran itu adalah laluan dari Jalan Tuanku Abdul Halim ke Taman Botani dan berakhir di Stesen Sentral Kuala Lumpur.

"Saiz pembetung kekotak yang dipasang melintasi Lebuhraya Sultan Iskandar (Lebuhraya Mahameru) akan dikaji semula sama ada mencukupi atau sebaliknya bagi menampung kuantiti air," katanya.